

30 OCT 2003

MAHATHIR-PENGANGKUTAN/I

DR MAHATHIR:BADAN PENGAWAL SELIA BERPUSAT UNTUK TINGKATKAN KECEKAPAN

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Badan pengawal selia berpusat untuk pengangkutan awam yang diperkenalkan di Lembah Klang ialah untuk memastikan perkhidmatan yang baik untuk orang awam, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata pada masa ini terdapat terlalu ramai pengusaha yang memperkenalkan dan menguruskan semua bentuk pengangkutan secara bersendirian tanpa adanya sebarang penyelarasan yang betul.

"Sudah kerap kita nampak bas-bas terkandas di tepi jalan, orang ramai ketinggalan pengangkutan dan apabila hujan, berlakunya kesesakan jalan raya. Sudah tentu, sesuatu perlu dilakukan dan ia perlu dilakukan dalam bentuk penyelarasan," kata beliau kepada pemberita selepas membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) di Parlimen di sini.

Terdahulu, beliau telah ditanya sama ada pengujudanan badan pengawal selia seumpama itu perlu dalam penyusunan semula sistem pengangkutan di Lembah Klang seperti mana yang diumumkan hari ini.

Jabatan Perdana Menteri hari ini mengumumkan yang sebuah syarikat baru akan menguruskan sistem transit aliran ringan (LRT) PUTRA dan STAR serta bas di Lembah Klang di bawah perjanjian pajakan.

Langkah itu yang bertujuan menawarkan perkhidmatan yang baik kepada orang ramai, membentuk sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyusun semula sistem pengangkutan di Lembah Klang.

Sistem pengangkutan awam yang cekap, berkesan dan bersepadu akan dapat meningkatkan status sosio-ekonomi penduduk Lembah Klang yang kini berjumlah lebih 4.5 juta orang dalam kawasan yang melebihi 3,000km persegi.

Langkah-langkah penyusunan semula ini akan dilaksanakan dalam beberapa fasa dan dijangka dapat disempurnakan pada bulan Mei 2005.

Antara ciri-ciri utama penyusunan semula ini ialah kedua-dua sistem LRT dan bas diambil alih oleh Syarikat Prasarana Negara Bhd (SPNB), yang merupakan syarikat milik penuh kerajaan.

SPNB akan menguruskan aset-aset sistem pengangkutan awam yang dimiliki oleh kerajaan. Aset-aset ini akan dipajakkan kepada Pengusaha Utama melalui satu Perjanjian Pajakan.

Pada masa ini, SPNB mengurus dan mengusahakan sistem-sistem PUTRA dan STAR LRT yang diambil alih pada 1 Sept, 2002.

Perjanjian jual-beli bas-bas milik syarikat pengusaha bas tertentu (Intrakota dan ParkMay) telah dimeterai pada bulan ini.

Pengusaha Utama merupakan syarikat swasta yang akan ditubuhkan sebagai satu syarikat usaha sama dengan pecahan ekuiti 40:40:20.

Tiga pihak yang dikenal pasti untuk memegang ekuiti dalam syarikat usaha sama itu adalah Datuk Mohd Nadzmi Salleh (40 peratus), KLIG Bhd (40 peratus) dan KUB Bhd (20 peratus).

Semua perbelanjaan utama aset dan infrastruktur pada masa hadapan akan dibiayai oleh SPNB selaku Pemilik Aset Utama, kata jabatan itu.

Pengusaha utama pula akan membayar sewa kepada SPNB untuk menggunakan aset-aset ini. -- BERNAMA

NM KTC AA